# KEDUDUKAN KAUM WANITA MELAYU DALAM BIDANG PENDIDIKAN DI ANTARA TAHUN 1920 - 1940.

## ( NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU )

OLEH:

LINAH BTE BAGU.

( 13897 )

SATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH (HSM 411/412: DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA) BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA DALAM PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,

PULAU PINANG.

SIDANG 1988/89.

## PENGHARGAAN:

Syukur kepada Tuhan kerana tugasan ini dapat saya siapkan walaupun menghadapi beberapa masalah dan kerumitan dalam mencari sumber dan bahan-bahan keperluan tugasan ini.

Saya dengan rendah diri mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Cheah Boon Kheng selaku pensyarah saya kerana sabar menghadapi kerenah saya dan sanggup memberikan bimbingan sepanjang saya menyiapkan tugasan ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara dan semua kakitangannya kerana telah memberikan kerjasama yang sungguh baik kepada saya, kepada pihak Kementerian Pelajaran yang bersusah payah memberikan data-data dan Laporan-laporan mengenai Pendidikan Wanita di Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebelum tahun 1940. kepada Pengarah Projek KANITA, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang iaitu Dr. Wazir Jahan Karim kerana membenarkan saya menggunakan bahan-bahan bacaan simpanannya, pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan akhir sekali kepada rakan-rakan yang sudi memberi bantuan dan sokongan moral kepada saya.

Semoga kerjasama dan budi baik pihak-pihak yang saya sebutkan tadi akan mendapat balasan yang sewajarnya dari Tuhan.

Terima kasih.

- Ena 88 -

**......... buat,**

**Mama, bapa (sekeluarga) tersayang yang sentiasa mengharapkan dan mendoakan kebahagiaanku.**

**Moga harapan kita akan terserlah dengan penuh sinaran dan moga rentak dan langkah hidup kita sentiasa dilindungi Tuhan.**

Pengenalan:

Tajuk tugasan ini ialah mengenai kedudukan kaum Wanita Melayu dalam bidang Pendidikan di antara tahun 1920 - 1940. Fokus perbincangan sanya lebih tertumpu kepada kaum wanita Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Saya memilih Negeri-negeri Melayu Bersekutu kerana di sinilah bermulanya Inggeris bertapak di Tanah Melayu secara rasmi iaitu melalui Perjanjian Pangkor 1874. Secara langsung, Inggeris memperkenalkan berbagai-bagai dasar baru terutama dasar Pendidikan yang kemudiannya membawa perubahan kepada masyarakat Melayu khususnya sikap terhadap pendidikan kaum wanita Melayu.

Saya juga memilih jangkamasa di antara tahun 1920 -1940 kerana masa itu adalah peringkat permulaan kepada perubahan sikap orang-orang Melayu terhadap Pendidikan kaum wanita. Pengaruh 'Emansipasi' wanita dari negara-negara luar semakin menular ke dalam pemikiran wanita Melayu dan lebih-lebih lagi keadaan ekonomi ketika itu telah mengalami perubahan yang ketara sekali sehingga mempengaruhi kedudukan wanita Melayu dalam pendidikan. Oleh itu, perbincangan saya akan lebih menekankan kepada masalah-masalah atau faktor-faktor yang mempengaruhi mengapa wanita Melayu tahun 1920an tidak mengambil berat tentang pentingnya pendidikan dan faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan pendidikan wanita kemudiannya.

Latar belakang tajuk:

Pendekatan saya terhadap tajuk ini adalah secara berperingkat-peringkat dan dapat dibahagikan kepada tiga fasa yang utama mengikut urutannya.

Fasa pertama ialah mengenalpasti masalah-masalah dan faktor-faktor yang mempengaruhi wanita Melayu pada awal tahun 1920an tidak mengambil